

29 NOV 1999

LIMA '99-Persiapan

PAMERAN UDARA DAN MARITIM ANTARABANGSA LANGKAWI BERMULA ESOK

LANGKAWI, 29 Nov (Bernama) -- Sementara tumpuan ramai adalah pada pilihan raya umum hari ini, persiapan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi atau LIMA '99 yang bermula esok terus berjalan lancar.

Pameran ini yang akan berlangsung pada 30 Nov hingga 5 Dis, terbahagi kepada segmen udara yang akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), manakala segmen maritimnya di Tanjung Malai.

Tinjauan Bernama ke MIEC menunjukkan persiapan giat dijalankan di tapak pameran tersebut sementara latihan penerbangan udara turut diadakan oleh sebuah pesawat Rusia SU-30KI yang dipandu buat pertama kalinya oleh juruterbang Malaysia.

Kenyataan daripada penganjur segmen udara Le Proton LIMA Sdn Bhd, menunjukkan beberapa pesawat dari Rusia, Australia dan Amerika Syarikat telahpun berada di Langkawi seperti F-15, F-16, P-3C Orion, King Air Beech, MIG-29, IL-103, Su-25, dan Mi-8AMTSh.

Pesawat dari Malaysia yang telahpun berada di tapak pameran ialah Zodiac, MD 3, MiG 29, F-18A Hornet dan Beechcraft B 200T.

Menurut kenyataan itu lagi, kumpulan aerobatik dan demo solo yang mengambil bahagian pada LIMA kali ini adalah Wingwalking Aerial Display dari Afrika Selatan, RAAF Roulette dari Australia, Red Arrows dari United Kingdom serta Russian Knights dan Gromov Flight Institute dari Rusia.

Gromov dengan pesawat Tanker IL-78, SU-30 dan SU-30KM telahpun berada di sini semalam sementara Red Arrows dengan BAe MK Hawk baru tiba hari ini.

Dentuman pesawat yang giat melakukan latihan penerbangan mereka memenuhi ruang angkasa di pulau legenda ini serta disaksikan oleh beribu-ribu peserta dan pelancong yang telahpun berada di sini untuk menyaksikan pameran terhebat bagi menutup tirai abad ini.

LIMA '99 kekal dengan imejnya sebagai pameran terbaik seumpamanya di rantau ini, kali ini dengan penyertaan meningkat kepada 1,000 syarikat.

Seperti biasa, syarikat-syarikat terkemuka seperti British Aerospace, Marconi, Dassault dan Boeing, dan juga dari Rusia mengambil bahagian.

Pesawat pejuang terbaru buatan syarikat KNAAPO dari Rusia, Sukhoi atau SU-0KI telahpun berada di ruang pameran statik dan ini kali pertama pesawat perang canggih itu dipertunjukkan di luar Rusia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melawat kilang pesawat KNAAPO di Rusia Ogos lalu.

Syarikat tempatan juga tidak ketinggalan terutama pengeluar pesawat ringan buatan Malaysia "Aerotiga" dan "Eagle".

Seperti sebelumnya, tarikan LIMA ialah pertunjukan udara oleh pesawat terbang terutama pasukan Red Arrows yang menggunakan pesawat Hawk dan Russian Knights dengan jet pejuang Su-27.

Bagi segmen maritim, persiapan sedang rancak dijalankan dengan 35 kapal telahpun berada di Tanjung Malai sementara empat buah lagi dari Thailand masih belum tiba, kata setiausaha jawatankuasa Maritim Lt Komander Jemali Jabon dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Kapal Siroco dari Peranchis masih dalam perjalanan sementara kapal perang USS Vincennes dari Amerika Syarikat, yang akan menjadi tarikan pameran ini, telahpun berada di sini.

Kapal yang berukuran 179 meter dengan 500 anak kapal ini pernah berkhidmat di Perang Teluk 1990.

Sementara itu jumlah syarikat yang mengambil bahagian di segmen maritim

ini setakat ini ialah 285 buah.

Bagi memeriahkan sambutan LIMA kali ini, 220 acara kebudayaan dan kesenian yang dikenali sebagai Karnival Langkawi diatur di beberapa lokasi.

LIMA '99 yang akan berlangsung selama lima hari akan dirasmikan Rabu ini.

-- BERNAMA

Team zb